



TERMA DAN SYARAT

PROGRAM IMUNISASI INDUSTRI COVID-19 KERJASAMA AWAM-SWASTA (PIKAS)

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Menteri Kesihatan (KKM) telah bersetuju bahawa **Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS)** akan dilancarkan sebagai **Fasa 4** Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk **mempercepatkan imunisasi Rakyat**. Ini bertujuan mempercepatkan **pencapaian imuniti kelompok (*herd immunity*)** dalam kalangan masyarakat.

PIKAS adalah **program imunisasi kerjasama awam-swasta** yang menyasarkan **pekerja-pekerja di sektor pembuatan** yang mana MITI telah dilantik sebagai agensi pelaksana program imunisasi tersebut. **Penyertaan** syarikat dan pekerja dalam PIKAS adalah **secara sukarela**.

Terma & Syarat PIKAS

1. PIKAS terbuka untuk semua syarikat daripada sektor pembuatan.
2. Vaksin akan diberikan secara percuma oleh Kerajaan di bawah Program PIKAS.
3. Syarikat boleh memilih untuk pekerja mereka diberi vaksin di premis kilang (*on-site*), lokasi yang ditetapkan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) atau di lokasi lain yang dikenal pasti. Vaksinasi di premis kilang (*on-site*) atau di lokasi yang dikenal pasti adalah tertakluk kepada lawatan verifikasi yang akan dilaksanakan dan kelulusan oleh *COVID-19 Immunisation Task Force* (CITF), MOSTI dan MITI.
4. Syarikat yang memilih vaksinasi di lokasi kilang (*on-site*) harus mempunyai sekurang-

kurangya 1,000 pekerja. Syarikat boleh memilih untuk bergabung dengan syarikat lain di dalam kawasan yang sama untuk memenuhi had minima 1,000 pekerja. **Perjalanan rentas negeri untuk mendapatkan vaksinasi** di bawah PIKAS adalah **tidak dibenarkan**.

5. Syarikat harus **mematuhi kriteria-kriteria** berikut untuk menubuhkan PPV di kilang (*on-site*):
 - i. Menyediakan lima (5) stesen utama untuk PPV, iaitu:
 - Pemeriksaan;
 - Pendaftaran;
 - Perundingan;
 - Vaksinasi; dan
 - Pemerhatian.
6. Memastikan penyediaan perkara-perkara berikut:
 - i. bilangan pekerja bukan kesihatan yang mencukupi;
 - ii. menyediakan komputer dan alat elektronik yang mencukupi untuk semua stesen;
 - iii. stor penyimpanan yang sesuai untuk vaksin (jika diperlukan);
 - iv. ambulans;
 - v. pengurusan sisa klinikal;
 - vi. keselamatan dan kawalan orang ramai;
 - vii. kakitangan untuk pra-saringan dan pendaftaran (Stesen 1 dan 2); dan
 - viii. perabot (kerusi/meja) dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan.
7. Memastikan kapasiti PPV yang mencukupi untuk mengelakkan kesesakan.
8. Pastikan hanya pekerja syarikat didaftar untuk PIKAS. Tanggungan, ahli keluarga dan rakan terdekat tidak dibenarkan untuk mendaftar.
9. Pastikan hanya pekerja yang bersetuju untuk menerima vaksinasi didaftarkan untuk program ini.
10. Syarikat akan bertanggungjawab sepenuhnya atas kos pentadbiran untuk menubuhkan PPV di kilang (*on-site*) termasuk perkhidmatan pengamal perubatan, kakitangan pentadbiran dan anggota keselamatan.

11. Syarikat harus membayar kos pentadbiran sepenuhnya untuk vaksinasi pekerja. Ini termasuk dalam kes di mana pekerja tersebut tidak lagi bekerja di syarikat, sebelum pekerja diberi imunisasi sepenuhnya.
12. Syarikat tidak dibenarkan memotong kos pentadbiran daripada gaji dan imbuhan pekerja.
13. Syarikat bertanggungjawab memastikan kehadiran pekerja di PPV pada tarikh vaksinasi.
14. Semua pekerja harus mendaftar untuk PICK melalui MySejahtera sebelum syarikat dapat mendaftarkan di PIKAS. Pekerja akan diberitahu melalui MySejahtera mengenai tarikh vaksinasi dan lokasi PPV di bawah PIKAS.
15. Sekiranya pekerja telah menerima tarikh vaksinasi lebih awal di bawah program PICK, AstraZeneca *Opt-in Program* atau program-program lain, pekerja tidak akan dapat menerima vaksinasi di bawah PIKAS.

Sila sahkan bahawa anda telah membaca dan memahami Terma dan Syarat PIKAS dengan melengkapkan butiran di bawah

| | |
|-----------------------------|-----------------------|
| Nama Wakil Syarikat: | Nama Syarikat: |
| Jawatan: | Tarikh: |
| Tandatangan: | |

